

## **PENDEKATAN ISLAM DALAM MEMELIHARA MASLAHAH WANITA SELEPAS KEMATIAN SUAMI**

**Syh Noorul Madihah Syed Husin\***  
**Raihanah Azahari\*\***

### **ABSTRACT**

*A widow is a woman who has been left alone after the death of a husband who, supposedly, should be the one who acts as the breadwinner of the family. This group faces numerous obstacles and turbulence in order to survive after the death of their husbands. However, Islam has taken a comprehensive approach in order to protect the rights of the widow. This article will analyze and discuss the way of Islam in approaching the masalah of a widower through the order of a waiting period ('iddah), iḥdād and Islamic inheritance. In addition, the explanation of the objective of syara' and the wisdom behind the law will also be justified. It is concluded that the obligation of 'iddah is a symbol of personal devotion to Allah and in honour to the former husband and his family. It also seeks to ensure the purity of consanguinity if the woman is pregnant during the waiting period ('iddah). The obligation of iḥdād is not the captivity of women but it is an emotional transition period and the preservation of the glory of a woman. In addition, Islam has*

---

\* Lecturer, Department of Shariah, Faculty of Islamic Contemporary Studies, University of Sultan Zainal Abidin, Gong Badak Campus, Kuala Terengganu, madihah@unisza.edu.my.

\*\* Associate Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, raihan@um.edu.my.

*given special privileges to the widow when listed as a beneficiary in the distribution of the inheritance of her former husband.*

**Keywords:** *widow, 'iddah, ihdād, farā'id system*

## PENDAHULUAN

Golongan wanita yang kematian suami dalam masyarakat hari ini sering berhadapan dengan pelbagai masalah, terutamanya masalah emosi dan ekonomi rumahtangga. Bagi sesetengah mereka, kematian suami bermakna kehilangan tempat pergantungan utama. Selain itu, stigma atau anggapan buruk masyarakat terhadap golongan yang bergelar janda semakin memburukkan keadaan. Situasi ini menyebabkan sesetengah wanita hilang arah dan panduan untuk menjalani kehidupan baru setelah kematian suaminya.

Islam sebagai agama yang sempurna tidak pernah mengeneppikan golongan ini, malah mereka merupakan golongan yang telah mendapat perhatian di sisi Allah SWT. Dalam memelihara kemaslahatan mereka, Islam telah menganjurkan beberapa penetapan hukum khusus bagi memastikan mereka dapat meneruskan kehidupan dengan sebaiknya. Perbincangan tentang hukum-hukum berkaitan dengan wanita yang kematian suami telah diperjelaskan secara terperinci dalam al-Quran dan Hadith. Setelah kematian suami, mereka diperintah untuk beriddah dan ber*ihdād* selama empat bulan sepuluh hari. Selain dari perintah kewajipan tersebut, mereka turut diberi hak pemilikan pusaka dari harta peninggalan suaminya.

Penetapan hukum-hukum tersebut sering mendapat reaksi negatif dari sesetengah masyarakat. Ada di antara golongan wanita yang merasakan penetapan beberapa hukum tertentu kepada wanita setelah kematian suami ini telah tidak relevan lagi untuk dipraktikkan pada zaman yang serba moden sekarang. Dalam sebuah kajian yang dijalankan di kalangan kaum wanita berkenaan *ihdād*, 13.1% dari keseluruhan responden telah menyatakan bahawa wanita zaman moden hari ini tidak sesuai lagi untuk berkabung atas kematian suaminya dan 23.1% memberi reaksi agak bersetuju dengan kenyataan tersebut.<sup>1</sup> Walaupun jumlah peratus tersebut tidak terlalu tinggi, namun kenyataan seperti itu tidak sewajarnya berlaku di kalangan masyarakat Muslim, kerana ia menunjukkan persepsi negatif terhadap tuntutan syara'.

---

<sup>1</sup> Syh. Noorul Madihah Syed Husin (2007), "Kefahaman Masyarakat Islam Tentang *Ihdād*: Kajian di Bandar Dungun, Terengganu", Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 93.

Artikel ini akan menjelaskan pendekatan Islam dalam memelihara kemaslahatan wanita melalui pelaksanaan hukum iddah, *iḥdād* dan hak pewarisan harta pusaka. Ia bagi menghilangkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam agar mereka lebih memahami bahawa segala syariat yang diturunkan pasti akan membawa kesejahteraan kepada umat manusia.

## MASLAHAH DI SEBALIK PENSYARIATAN IDDAH

Dalam sistem kekeluargaan, Islam telah menggariskan satu panduan khusus kepada wanita dalam menempuh kehidupan selepas kematian suami. Setelah suami pergi buat selamanya, mereka perlu menjalani satu tempoh masa yang dikenali sebagai iddah bagi mematuhi beberapa hukum tertentu. Ia adalah satu kewajipan dan tanggungjawab bagi setiap wanita demi memenuhi perintah Ilahi.

Iddah didefinisikan sebagai satu tempoh penantian yang mesti dilalui oleh seorang isteri setelah berakhirnya sebuah ikatan perkahwinan.<sup>2</sup> Pensyariatannya bertujuan bagi melarang seseorang wanita yang telah ditalak atau kematian suaminya daripada dinikahi oleh mana-mana lelaki.<sup>3</sup> Kewajipannya telah dijelaskan oleh Allah SWT di dalam ayat berikut:

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرْتَضْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ  
وَعَشْرًا<sup>ط</sup> فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا فَعَلْنَ فِي أَنْفُسِهِنَّ  
بِالْمَعْرُوفِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ<sup>٢٣٤</sup>

*“Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri, hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (beriddah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis masa iddahnya itu, maka tidak ada salahnya bagi kamu mengenai apa yang dilakukan mereka pada dirinya menurut cara yang baik (yang diluluskan oleh syara’). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan.”*

(Surah al-Baqarah, 2 : 234)

<sup>2</sup> ‘Ali Ibn Muhammad Ibn ‘Ali al-Jirjānī (1985), *Kitāb al-Ta’rīfat*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabiyy, h. 192.

<sup>3</sup> Muḥammad Jum‘ah ‘Abd al-Allāh (1983), *al-Kawākib al-Duriyyah*, c. 5, j. 2. Kaherah: Maktabah al-Azhāriyyah, h. 270.

Ayat di atas menjelaskan bahawa isteri yang telah kematian suami hendaklah menahan diri selama empat bulan sepuluh hari. Dalam mentafsirkan ayat di atas, al-Qurtubī telah menjelaskan bahawa lafaz [يتر بصن] dalam ayat ini bererti bersabar daripada perkahwinan baru serta tidak keluar dari rumah yang didiami semasa perkahwinannya.<sup>4</sup> Dua perkara ini merupakan larangan utama kepada wanita yang sedang beriddah. Ayat ini sekaligus menunjukkan amalan beriddah adalah satu suruhan wajib, kerana merujuk kepada metodologi hukum, nas-nas yang menggunakan *uslūb* perkhawinan yang difahami sebagai suruhan menunjukkan satu perintah dari Allah SWT.<sup>5</sup> Selain ayat di atas, kewajipan beriddah ini turut disokong oleh *ijma'* para ulama'.<sup>6</sup>

Tempoh beriddah bagi seorang wanita bergantung kepada keadaannya semasa kematian suami. Berdasarkan ayat 234 surah al-Baqarah, tempohnya ialah selama empat bulan sepuluh hari, namun ia hanyalah khusus untuk wanita yang tidak hamil ketika musibah kematian berlaku. Ini kerana walaupun ayat itu diterangkan secara umum, namun terdapat sepotong ayat lain dari surah al-Ṭalāq yang menjelaskan secara khusus tentang iddah balu yang sedang hamil.

وَأُولَاتُ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ

“Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh iddahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya...”

(Surah al-Ṭalāq, 65 : 4)

Ayat ini telah mengkhususkan keumuman ayat 234 surah al-Baqarah dan menetapkan tempoh khusus bagi wanita yang sedang hamil pada hari kematian tersebut. Ia akan berakhir dengan kelahiran anak yang dikandung. Ini bermakna iddah bagi mereka bukan berasaskan bilangan hari, tetapi bergantung kepada usia kandungan dan waktu kelahiran. Adapun sekiranya kematian suami berlaku dalam tempoh iddah talak *raj'ī* dan isteri yang beriddah itu pula tidak hamil, maka iddahnya akan berpindah dari hitungan tiga kali suci kepada iddah kematian suami iaitu empat bulan sepuluh hari. Tetapi, jika wanita tersebut sedang menjalani iddah talak *bā'in*, maka tempoh iddahnya tidak akan berubah dan masih kekal dengan tiga kali suci. Ini kerana talak *bā'in* telah memutuskan

<sup>4</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Aḥmad al-Qurtubī (2002), *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, j. 3. Kaerah: Dār al-Ḥadīth, h. 151.

<sup>5</sup> 'Abd al-Karīm Zaydan (2009), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risālah Nasyirun, h. 231.

<sup>6</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 9, c. 4. Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 7167.

ikatannya dengan suami, dan kematian tersebut berlaku setelah terputusnya ikatan itu.<sup>7</sup>

Sepanjang tempoh iddah, Islam telah menetapkan beberapa hukum tertentu berkaitan dengan wanita yang kematian suami yang merangkumi tiga perkara berikut:

- Larangan Dipinang

Bagi seorang lelaki, mereka dilarang daripada meminang wanita yang masih berada dalam tempoh iddah secara berterus terang (*ṣarāḥah*). Adapun meminang dengan cara kiasan atau sindiran (*ta'riḍkināyah*) adalah diharuskan<sup>8</sup> berdasarkan ayat al-Quran berikut:

وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا عَرَّضْتُمْ بِهِ مِنْ خِطْبَةِ النِّسَاءِ أَوْ  
أَكْنَنْتُمْ فِي أَنْفُسِكُمْ

*“Dan tidak ada salahnya bagi kamu tentang apa yang kamu bayangkan (secara sindiran), untuk meminang perempuan (yang kematian suami dan masih dalam iddah)...”*

(Surah al-Baqarah, 2 : 235)

- Larangan Melangsungkan Perkahwinan

Sepanjang tempoh iddah, wanita dilarang keras dari melangsungkan perkahwinan dengan mana-mana lelaki. Perkara ini telah diijma'kan oleh ulama<sup>9</sup> dan disebut dengan jelas dalam al-Quran.

وَلَا تَعْرُضُوا عُقْدَةَ النِّكَاحِ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْكِتَابُ أَجَلَهُ

*“Dan janganlah kamu menetapkan dengan bersungguh-sungguh (hendak melakukan) akad nikah sebelum habis iddah yang ditetapkan itu ...”*

(Surah al-Baqarah, 2 : 235)

<sup>7</sup> Mat Saad Abd. Rahman (1993), *Undang-undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan*, c. 2. Kuala Lumpur: Intel Multimedia And Publication, h. 156.

<sup>8</sup> Abū Mālik Kamāl Ibn al-Sayyid Sālim (2000), *Fiqh al-Sunnah li al-Nisā' wa mā Yajib an Ta'rifah Kull Muslimah min Ahkām*. Kaherah: Maktabah al-Tawfiqiyah, h. 385.

<sup>9</sup> Al-Zuḥaylī (1997), *op.cit.*, j. 9, h. 7198.

- Kemestian Menetap di Rumah

Ulama' dari mazhab empat bersepakat bahawa wanita yang sedang beriddah, diwajibkan menetap di rumah suaminya sepanjang tempoh empat bulan sepuluh hari dan dilarang dari meninggalkan rumah tersebut.<sup>10</sup> Mereka bersandarkan kepada firman Allah SWT:

لَا تُخْرِجُوهُنَّ مِنْ بُيُوتِهِنَّ وَلَا يُخْرِجَنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحِشَةٍ مُبَيَّنَةٍ

“Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah kediamannya (sehingga selesai iddahnya), dan janganlah pula (dibenarkan) mereka keluar (dari situ), kecuali (jika) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata...”

(Surah al-Ṭalāq, 65 : 1)

Walau bagaimanapun, sebahagian besar ulama' telah memberi kelonggaran bagi mereka untuk keluar rumah dalam keadaan berkeperluan.<sup>11</sup> Wanita tersebut diharuskan berpindah daripada rumah suaminya ke satu tempat baru yang dikira selamat bagi diri dan hartanya.<sup>12</sup> Selain itu, dia juga diharuskan keluar pada siang hari untuk membeli makanan dan keperluan lain dengan syarat keperluan itu benar-benar dikehendakinya.<sup>13</sup> Pandangan ini amat relevan dan bertepatan dengan realiti semasa yang berlaku di kalangan wanita-wanita yang baru kematian suami pada masa kini. Keperluan bekerja untuk menanggung urusan perbelanjaan diri dan anak-anak amat menghambat seorang wanita yang sedang beriddah untuk keluar dari rumah dalam tempoh iddah.<sup>14</sup> Selain dari keluar bekerja, mereka juga terpaksa

<sup>10</sup> Abū Muḥammad ‘Abd Allāh Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Qudāmah (1999), *al-Mughnī li Ibn Qudamah*, j. 11, c. 4. al-Mamlukah al-‘Arabiyah al-Sa‘ūdiyyah: Dār ‘Ālam al-Kutub, h. 290; Muḥammad al-Syirbīnī al-Khaṭīb (t.t), *al-Iqnā’ fī Hill Alfāz Abī Syujā’*, j. 2. Bangkok: Maktabah wa Matba‘ah Muḥammad al-Nuḥdā wa Awlādah, h. 192; Kamāl al-Dīn Muḥammad Ibn al-Hummām (t.t), *Syarḥ Fath al-Qadīr ‘Alā al-Hidāyah*, j. 4, c. 10. Beirut: Dār al-Fikr, h. 343; Šālih ‘Abd al-Samī‘ al-Abī al-Azharī (t.t), *Jawāhir al-Iklīl*, j.1. Beirut: al-Maktabah al-Thaqāfiyyah, h. 391.

<sup>11</sup> Taqy al-Dīn Abī Bakr Muḥammad al-Ḥusaynī (t.t), *Kifāyah al-Akhyār fī Hill Ghāyah al-Ikhtisār*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 570; Abū Muḥammad ‘Alī Ibn Aḥmad Ibn Ḥazm (t.t), *al-Muḥallā*, j. 10. Beirut: Dār al-Fikr, h. 282.

<sup>12</sup> Wazārah al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Islāmiyyah (1983), *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, j. 2, c. 2. Kuwait: Wazārah al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Islāmiyyah, h. 110.

<sup>13</sup> Al-Zuhaylī (1997), *op.cit.*, j. 9, hh. 7198-7201.

<sup>14</sup> ‘Alī ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (2003), *al-Mar’ah al-Muslimah wa Fiqh al-Da‘wah ilā Allāh*, j. 4, c. 5. Beirut: Dār al-Fikr, h. 350.

menguruskan hal ehwal rumahtangga termasuklah urusan-urusan di luar rumah seperti mendapatkan keperluan asas harian keluarga, menguruskan persekolahan anak-anak dan sebagainya.<sup>15</sup> Situasi-situasi seperti ini adalah dikira sebagai satu keperluan yang amat dihajati dalam mengharuskan seorang wanita yang sedang beriddah untuk keluar dari rumah.<sup>16</sup>

Walaupun pada zahirnya hukum-hukum berkaitan mereka yang sedang beriddah ini seperti menghalang keinginan wanita, namun sebenarnya ia banyak memberi manfaat kepada mereka. Pensyariatan iddah bertujuan untuk memastikan kemaslahatan mereka terpelihara. Antara aspek kemaslahatan dari pensyariatan tersebut ialah:-

### **1. Sebagai Tanda Ketaatan kepada Allah dan Penghormatan Kepada Bekas Suami**

Amalan beriddah bagi wanita yang kematian suami merupakan lambang ketaatan seorang hamba terhadap Tuhannya.<sup>17</sup> Walaupun dalam keadaan sedih dan hiba atas kematian pasangan hidup, wanita sanggup menjauhi larangan-larangan yang telah ditetapkan oleh syara' sepanjang tempoh iddah. Dalam kehidupan berumahtangga pula, Allah SWT telah mewajibkan seorang isteri supaya menghormati dan setia dalam melayani suami. Layanan itu dikira sebagai satu amalan baik, bahkan juga sebagai ibadah di sisi Allah SWT.<sup>18</sup> Setelah suami meninggal dunia, pensyariatan iddah telah memberi ruang kepada wanita untuk melaksanakan hak suami agar tidak dilupai sebaik sahaja beliau meninggal dunia.<sup>19</sup>

Selain menjaga hak Allah SWT dan suami, wanita juga perlu meraikan hak keluarga suaminya. Keluarga suami sudah pasti merasakan kematian ahli keluarganya itu sebagai satu musibah. Mereka juga tidak dapat mengelakkan diri dari diselubungi perasaan sedih dan hiba. Sebagai seorang bekas isteri, amat wajar bagi wanita tersebut menzahirkan perasaan sedih dan menjaga maruah dirinya dengan meninggalkan segala larangan yang telah ditetapkan dalam tempoh iddah.<sup>20</sup> Larangan dipinang secara terang-terangan dan berkahwin

<sup>15</sup> Syh. Noorul Madihah Syed Husin (2007), *op.cit.*, hh. 62-63.

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> Muḥammad 'Alī al-Ṣābūnī (1999), *Rawā'i' al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*, j. 1. Kaherah: Dār al-Ṣābūnī, h. 259.

<sup>18</sup> Abū Mālik Kamāl al-Sayyid Sālim (2000), *op.cit.*, h. 421.

<sup>19</sup> Muṣṭafā al-Bughā *et.al* (1998), *al-Fiqh al-Manhājī 'Ala Madhāhib al-Imām al-Syāfi'ī*, j. 2, c. 2. Beirut: Dār al-Syāmiyyah, h. 151.

<sup>20</sup> 'Abd al-Raḥmān al-Jazīrī (1999), *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah*, j.

dengan suami baharu dapat menjaga perasaan keluarga pihak suami. Sekiranya dibenarkan berbuat demikian dalam tempoh tersebut, sudah pasti mereka merasakan si isteri tidak ikhlas dalam menjalani kehidupan berumahtangga dengan bekas suaminya.

## 2. Menjamin Kesucian Nasab

Islam amat mementingkan penjagaan *nasab* atau keturunan. Ia termasuk dalam *al-darūriyyāt al-khams*<sup>21</sup> yang perlu dipelihara demi kesejahteraan hidup manusia. Amalan iddah sebenarnya bertujuan membersihkan rahim seorang isteri sebelum berlakunya perkahwinan baharu. Dengan kata lain, iddah dapat menentukan *nasab* janin sekiranya wanita tersebut disahkan mengandung<sup>22</sup> selepas kematian suami. Ini kerana sepanjang tempoh iddah, wanita tidak dibenarkan berkahwin dengan mana-mana lelaki. Oleh itu, wanita itu boleh memastikan sama ada dia hamil atau sebaliknya setelah berakhirnya tempoh iddah. Sekiranya dia hamil, kandungan itu sudah pasti adalah hasil hubungannya dengan bekas suami yang telah meninggal dunia dan anak yang bakal dilahirkan boleh *dinasabkan* kepada suami tersebut. Keadaan ini boleh mengelakkan daripada berlakunya percampuran *nasab*.

Jika diperhatikan kepada tempoh yang telah ditetapkan dalam iddah, ia adalah selari dengan fakta sains dalam membahaskan pembentukan janin. Janin dalam kandungan boleh dipastikan kewujudannya apabila kandungan berusia empat bulan ke atas. Setelah janin memasuki usia 16 hingga 20 minggu, janin akan mula bergerak dalam kandungan ibu.<sup>23</sup> Pembentukan janin ketika itu telah mencapai tahap pembentukan anggota badan yang hampir sempurna. Anggota-anggota utama termasuk kaki, tangan, jari, telinga dan alat jantina telah sempurna pembentukannya.<sup>24</sup> Fakta ini turut diakui oleh sebuah hadis sahih yang menerangkan bahawa janin terbentuk melalui tiga

---

4. Kaherah: Dār al-Manār, h. 434.

<sup>21</sup> ‘Abd al-Wahab Khalaf (1956), *Ilm Uṣūl al-Fiqh*, c. 8. Kaherah: Maktabah al-Da‘wah al-Islamiyyah, h. 199.

<sup>22</sup> Sa‘ad Yūsuf Maḥmūd Abū ‘Azīz (t.t), *Ādāb al-Ḥayāh al-Zawjiyyah fī al-Islām*. Kaherah: Maktabah al-Tawfiqiyyah, h. 315.

<sup>23</sup> Glade B. Curtis (1994), *Your Pregnancy Week by Week*. Singapura: Fisher Books, h. 153.

<sup>24</sup> Michele Isaacs Gliksman & Theresa Foy DiGeronimo (1999), *The Complete Idiot’s Guide to Pregnancy and Childbirth*, New York: Alpha Books, hh. 67-109; Mohd. Hamim Rajikin (1998), *Kehamilan Bermulanya Satu Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 30-35; Denise Boyd & Helen Bee (2009), *Lifespan Development*. Amerika: Pearson International Edition, hh. 64-71.



peringkat. Ia bermula dari percantuman air mani yang memakan masa selama 40 hari, kemudian menjadi segumpal darah juga selama 40 hari, dan akhirnya akan membentuk sebagai seketul daging dalam tempoh yang sama. Setelah melalui tiga fasa pembentukan janin, para malaikat akan meniupkan ruh bagi janin tersebut.<sup>25</sup> Jika dihitung tiga peringkat ini, ia mengambil masa 120 hari yang menyamai tempoh 4 bulan. Jumlah hitungan ini adalah kurang 10 hari dari jumlah hari dalam tempoh iddah. Walaupun begitu, menurut Ibn Kathir, tambahan sepuluh hari tersebut adalah sebagai satu langkah berhati-hati (*al-iḥtiyāt*)<sup>26</sup>, dibimbangi pembentukan janin masih belum dapat dipastikan pada hari yang ke-120.

### 3. Menjaga Kehormatan Wanita

Wanita yang kematian suami sering dipandang sinis dengan pelbagai tanggapan negatif masyarakat terhadap mereka.<sup>27</sup> Pelaksanaan iddah sebenarnya merupakan salah satu alternatif dalam menangani isu tersebut. Sepanjang tempoh iddah, mereka dilarang keluar dari rumah tanpa sebarang hajat yang amat diperlukan. Larangan ini sebenarnya dapat mengurangkan tanggapan masyarakat malah dapat memelihara keselamatan mereka dari sebarang kekacauan.<sup>28</sup>

Selain itu, wanita yang beriddah turut dilarang dari dipinang oleh mana-mana lelaki secara berterus terang. Larangan ini sebenarnya amat relevan dengan situasi dan realiti yang berlaku pada hari ini. Masyarakat Melayu sering mengaitkan wanita janda dengan isu-isu negatif seperti skandal dengan teruna dan suami orang, masalah sosial dan sebagainya. Mereka tidak sunyi dengan pelbagai fitnah yang boleh mencemarkan maruah wanita. Situasi ini

<sup>25</sup> Lihat Abū Zakariyyā Yaḥyā Syarf al-Nawawī (2001), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawawī*, Kitāb al-Qadr, Bāb Kayfiyyah al-Khalq al-Ādamī fī baṭn Ummih wa Kitābah Rizqih wa Ajalih wa ‘Amalih wa Syaḳāwatih wa Sa‘ādatih, no. hadith 2643, j. 16. T.T.P: Dār al-Taḳwa, h. 183.

<sup>26</sup> Abū al-Fidā’ al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr (1998), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, j. 1, c. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 326.

<sup>27</sup> Kamarul Azmi Jasmi *et al.* (2004), “Permasalahan Ibu Tunggal Dalam Melaksanakan Tanggungjawab Pendidikan Anak-anak: Satu Kajian Kawasan Sura, Dungun, Terengganu” (Kertas Kerja Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004 di Universiti Malaya pada 23-30 Mei 2004), h. 2.

<sup>28</sup> Syh Noorul Madiah Syed Husin *et al.* (2008), “Tuntutan al-Quran Terhadap Wanita Kematian Suami: Satu Penelitian” (Kertas Kerja Seminar al-Quran dan Pembentukan Ummah Cemerlang di Universiti Darul Iman Malaysia pada 19-20 Ogos 2008), h. 12.

dapat diatasi dengan hukum larangan meminang wanita yang kematian suami secara berterus terang.

## MASLAHAH DALAM PENSYARIATAN *IHDĀD*

Sebagai agama yang menjaga kemaslahatan hidup manusia<sup>29</sup> termasuklah wanita yang kematian suami, Islam telah menetapkan garis panduan khusus bagi mereka dalam memulihkan keseimbangan emosi dan memberi ketenangan jiwa setelah berhadapan dengan ujian kematian.<sup>30</sup> Mereka dikenakan perintah *berihdād* sepanjang tempoh beriddah. Dalam Islam, individu diharuskan berkabung atas kematian ahli keluarganya dalam tempoh tidak melebihi tiga hari. Namun bagi golongan wanita yang kematian suami, mereka diwajibkan *berihdād* dalam tempoh yang lebih panjang.<sup>31</sup> Bagaimanapun kewajipan ini tidak ditetapkan kepada komuniti lain.

*Ihdād* menurut syara' ialah menahan diri dari memakai sebarang perhiasan (sama ada berbentuk pakaian atau bukan pakaian) yang boleh menarik perhatian lelaki.<sup>32</sup> Ulama' telah bersepakat mengatakan hukum *ihdād* adalah wajib bagi wanita yang kematian suami,<sup>33</sup> melainkan pandangan al-Ḥasan al-Baṣrī dan al-Sya'bī. Namun pegangan mereka adalah menyalahi pandangan semua ahli fiqh dan bertentangan dengan sunnah.<sup>34</sup> Antara dalil yang menjadi asas utama kepada kewajipan *berihdād* adalah:

<sup>29</sup> Muḥammad Ibn Abī Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1990), *I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Ālamīn*, j. 3. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, hh.1-2.

<sup>30</sup> Abū al-Faḍl Aḥmad Ibn 'Alī Ibn Ḥajr al-'Asqalānī (2001), *Fath al-Bārī fi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 9. Kaherah: Maktabah Miṣr, h. 540.

<sup>31</sup> Lihat hadis Abū Muḥammad 'Abd al-Allāh Ibn Ismā'il al-Bukhārī (1987), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb Tuḥidd al-Mutawaffā 'anhā Zawjuhā Arba'ah Asyur wa 'Asyrā, no. hadith 5024, j. 5, c. 3. Beirut: Dār Ibn Kathīr, h. 2042; Abū al-Ḥusayn Muslim Ibn al-Ḥujjāj (t.t), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Ṭalāq, Bāb Wujūb al-Ihdād fi 'Iddah al-Wafāt, wa Taḥrīmuh fi Ghayr Dhālik illā Thalāthata Ayyām, no. hadith 1487, j. 2. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth, h. 1124.

<sup>32</sup> Abū al-Ḥasan 'Alī Ibn Muḥammad Ibn Ḥabīb al-Māwardī (1999), *al-Ḥāwī al-Kabīr fi Fiqh Madhhab al-Imām al-Syāfi'ī*, j. 11. Beirut: Dār al-Kutub al-'Alamiyyah, h. 273.

<sup>33</sup> Ibn Qudāmah (1999), *op.cit.*, j. 11, h. 284; 'Abd al-Karīm Zaydān (1993), *al-Mufaṣṣal fi Ahkām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Syar'ah al-Islāmiyyah*, j. 9. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, j. 9, h. 223; Abū Ishāq Ibrāhīm Ibn 'Alī Ibn Yūsuf al-Syīrāzī (1999), *al-Muḥadhdhab fi Fiqh al-Imām al-Syāfi'ī*, j. 2. Beirut: Dār al-Fikr, j. 2, h. 210; al-Zuhaylī (1997), *op.cit.*, j. 9, h. 7205.

<sup>34</sup> Al-Māwardī (1999), *op.cit.*, j.11, h. 273.

وَالَّذِينَ يَتُوفَوْنَ مِنْكُمْ وَيَذُرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ  
أَشْهُرٍ وَعَشْرًا ۖ فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا فَعَلْنَ فِي  
أَنْفُسِهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٢٣٤﴾

“Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri, hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (beriddah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis masa iddahnya itu, maka tidak ada salahnya bagi kamu mengenai apa yang dilakukan mereka pada dirinya menurut cara yang baik (yang diluluskan oleh syara’). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan.”

(Surah al-Baqarah, 2 : 234)

Walaupun pada zahirnya perkataan “menahan diri” dalam ayat di atas menunjukkan kewajipan beriddah bagi seorang isteri yang kematian suami,<sup>35</sup> namun lafaz tersebut juga merangkumi kewajipan ber*ihdād*.<sup>36</sup> Hukum wajib ini juga dapat difahami pada akhir ayat<sup>37</sup> yang menjelaskan apabila tempoh iddah telah selesai, maka wali tidak akan dipersoal sekiranya wanita tersebut melakukan perkara-perkara yang dilarang semasa *ihdād* seperti berhias dan mengenakan wangian. Dengan kata lain, sepanjang tempoh iddah, mereka diwajibkan ber*ihdād* iaitu dengan meninggalkan sebarang bentuk perhiasan dan wangian.<sup>38</sup>

Selain ayat di atas, terdapat beberapa riwayat hadis yang menceritakan tentang kewajipan ber*ihdād* terhadap wanita yang kematian suami. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Zainab binti Abi Salamah yang bermaksud:

“Berkata Zainab: Aku telah masuk ke (rumah) Zainab binti Jahsy ketika saudaranya meninggal dunia, lalu dia meminta wangi-wangian, kemudian diusapkannya lalu berkata: Demi Allah aku tidak memerlukan wangi-wangian ini melainkan kerana aku

<sup>35</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Syarī‘ah wa al-Manhaj*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āshir, h. 368.

<sup>36</sup> Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī (t.t), *Ṣafwah al-Tafāsīr*, j. 1, c. 9. Kaherah: Dār al-Ṣābūnī, h. 151.

<sup>37</sup> Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, j. 1, hh. 326-327.

<sup>38</sup> Al-Ṣābūnī (1999), *op.cit.*, j. 1, h. 259.

*mendengar Rasulullah SAW bersabda di atas mimbar: Tidak halal bagi seorang perempuan yang beriman kepada Allah dan hari Qiamat, berkabung terhadap kematian seseorang lebih dari tiga hari, kecuali terhadap suaminya, iaitu selama empat bulan sepuluh hari.”*

(Riwayat al-Bukhārī dan Muslim)<sup>39</sup>

Imam Nawāwī menyatakan, seorang wanita yang beriddah dengan sebab kematian suami diwajibkan ber*ḥdād* dan ia merupakan persepakatan ulama'. Walaupun zahir hadis menunjukkan seorang wanita tidak dibenarkan ber*ḥdād* melebihi tiga hari apabila berlaku kematian kaum keluarganya, namun larangan tersebut dikecualikan bagi mereka yang kematian suami. Bahkan mereka diwajibkan ber*ḥdād* sepertimana yang terkandung di dalam hadis-hadis Rasulullah SAW yang lain di mana baginda melarang keras perbuatan-perbuatan wanita kematian suami yang melanggar amalan ber*ḥdād* seperti berhias, berwangi-wangian, bercelak dan sebagainya.<sup>40</sup> Hukum kewajipan ber*ḥdād* ini juga telah disepakati oleh segolongan sahabat Rasulullah SAW, yang terdiri daripada Abdullah Ibn Umar, Aisyah, Ummu Salamah dan selainnya. Pandangan ini turut disokong oleh kaum salaf.<sup>41</sup>

Tempoh ber*ḥdād* adalah sepanjang tempoh iddah iaitu selama empat bulan sepuluh hari<sup>42</sup> bermula setelah kematian suami bagi wanita yang tidak mengandung.<sup>43</sup> Bagi mereka yang kematian suami dalam keadaan hamil, ia akan berakhir setelah kelahiran anak dalam kandungan.<sup>44</sup> Sepanjang tempoh ini, seorang wanita dilarang melakukan beberapa perkara yang boleh membawa kepada keinginan seseorang lelaki *ajnabi* untuk melamarnya sebagai isteri. Larangan-larangan tersebut merangkumi:

<sup>39</sup> Al-Bukhārī (1987), *op.cit.*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb Tuḥidd al-Mutawaffā ‘anhā Zawjuhā Arba‘ah Asyhur wa ‘Asyrā, no. hadith 5024, j. 5, h. 2042; Muslim (t.t), *op.cit.*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb Wujūb al-Ḥdād fi ‘Iddah al-Wafāt, wa Taḥrīmuh fi Ghayr Dhālik illā Thalāthata Ayyām, no. hadith 1487, j. 2, h. 1124.

<sup>40</sup> Lihat *ibid.*

<sup>41</sup> Alā' al-Dīn Abī Bakr Ibn Su‘ūd al-Kāsānī (2000), *Badā'ī' al-Ṣanā'ī' fi Tartīb al-Syarā'ī'*, j. 3, c. 3. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-‘Arabī, h. 331.

<sup>42</sup> Al-Ṣābūnī (1999), *op.cit.*, j. 1, h. 234.

<sup>43</sup> Muḥammad Ibn Ibrāhīm Ibn al-Mundhir (1402H), *al-Ijmā'*, c.3. Kaherah: Dār al-Da‘wah, h 86.

<sup>44</sup> Khālid Ibn ‘Abd Allāh al-Muṣliḥ (1995), *Aḥkām al-Ḥdād*, c. 1. Riyāḍ: Dār al-Waṭan, h. 49.

- Memakai Bau-bauan

Balu yang sedang ber*ḥidād* diharamkan menggunakan sesuatu yang boleh mendatangkan bau harum sama ada digunakan pada badan atau pada pakaian.<sup>45</sup> Ini kerana ia boleh menaikkan nafsu syahwat yang akhirnya boleh membawa kepada hubungan luar batas.<sup>46</sup> Antara jenis wangi-wangian yang diharamkan adalah seperti minyak wangi (*al-adhān al-muṭībah*) termasuklah minyak wangi *al-ward*, *al-banafsaj*, *al-yāsamin* dan *al-bān*<sup>47</sup>, minyak rambut yang berbau harum<sup>48</sup> dan pakaian yang dicelup dengan bahan pewangi seperti *al-‘uṣfur* dan *al-za‘farān*.<sup>49</sup> Larangan berwangi-wangian ini telah dijelaskan oleh beberapa hadis sahih, antaranya hadis yang bermaksud:

*“Daripada Ummu Atiyyah, dia berkata: Nabi SAW pernah melarang (kepada wanita yang sedang berḥidād) daripada memakai wangi-wangian kecuali apabila hampir bersuci (dengan menggunakan) sedikit quṣṭ dan azfār.”*

(Riwayat al-Bukhārī)<sup>50</sup>

- Mengenakan Perhiasan (*al-Zīnah*)

Terdapat tiga bentuk perhiasan yang dilarang dikenakan oleh wanita ketika ber*ḥidād* iaitu perhiasan diri, pakaian dan barangan kemas. Antara bentuk perhiasan diri yang dilarang ialah larangan mewarnakan badan (*al-khiḍāb*) yang biasa dikenakan pada wajah seorang wanita sama ada dengan inai<sup>51</sup> atau bahan pewarna lain yang boleh mencantikkan wajah seperti memerahkannya dengan *kalkalūn*, memutihkan dengan *asfīdāj* dan menguningkan dengan menggunakan *ṣabir*.<sup>52</sup> Mereka turut dilarang bercelak (*al-kuḥl*) sama ada yang boleh mendatangkan bau wangi ataupun tidak. Ini termasuklah celak yang berwarna hitam seperti celak batu (*al-*

<sup>45</sup> Al-Ḥusaynī (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 568.

<sup>46</sup> Al-Syīrāzī (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 211.

<sup>47</sup> Antara nama jenis-jenis minyak wangi yang biasa dipakai untuk mewangikan badan. Ibn Qudāmah (1999), *op.cit.*, j. 11, h. 286.

<sup>48</sup> Al-Syīrāzī (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 211.

<sup>49</sup> Al-Kāsānī (2000), *op.cit.*, j. 3, h. 330.

<sup>50</sup> Al-Bukhārī (1987), *op.cit.*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb Talbas al-Ḥaddah Thiyāb al-‘Aṣb, no. hadith 5028, j. 5, h. 2043.

<sup>51</sup> Al-Muṣliḥ (1995), *op.cit.*, h. 70.

<sup>52</sup> *Kalkalūn*, *asfīdāj* dan *ṣabir* ialah bahan-bahan pewarna. Ibn Qudāmah (1999), *op.cit.*, h. 286.

*ithmid*), yang berwarna putih<sup>53</sup> seperti celak *al-fārisī* dan yang berwarna kuning seperti celak *al-ṣahr*<sup>54</sup>. Larangan ini bersandarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Daripada Ummu Salamah, Nabi SAW bersabda: Wanita yang kematian suaminya tidak boleh memakai baju berwarna, baju yang dicelup warna merah, barang kemas, mewarnakan badan dan memakai celak.”*

(Riwayat Abū Dāwud dan Nasā’ī)<sup>55</sup>

Sebarang pemakaian pakaian yang mempunyai daya penarik tersendiri juga merupakan larangan ketika *berihdād*.<sup>56</sup> Ini termasuk pakaian yang dicelup dengan sebarang pewarna yang bertujuan untuk kelihatan menarik<sup>57</sup> seperti *al-mu‘aṣfar*<sup>58</sup> dan *al-muza‘far*.<sup>59</sup> Perkara ini bersandarkan kepada hadis sahih yang bermaksud:

*“Daripada Ummu Atiyyah, dia berkata: Telah berkata kepadaku Nabi SAW: Tidak halal bagi seorang perempuan yang beriman kepada Allah dan hari Kiamat berkabung terhadap kematian seseorang lebih dari tiga hari, kecuali terhadap suaminya, maka dia tidak boleh bercelak dan memakai baju yang dicelup dengan bahan pewarna melainkan kain ‘asb (kain genggang).”*

(Riwayat al-Bukhari)<sup>60</sup>

Adapun pakaian yang dicelup dengan bahan pewarna yang bukan bertujuan untuk menzahirkan kecantikan seperti warna celak, hijau keruh, hitam atau

<sup>53</sup> Al-Ḥusaynī (t.t), *op.cit.*, j. 2, hh. 569-570.

<sup>54</sup> *Ithmid, fārisī* dan *ṣahr* merupakan jenis-jenis celak yang biasa dipakai oleh wanita Arab.

<sup>55</sup> Abū Dāwud Sulaymān Ibn al-Ash‘āth al-Sijistānī (t.t), *Sunan Abī Dāwud*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb fī mā Tajtanibuh al-Mu‘taddah, no. hadith 2304, j. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 292; Aḥmad Ibn Syu‘aib Ibn Dīnār al-Nasā’ī (1986), *al-Muḥtabā min al-Sunan*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb al-Iḥdād (Mā Tajtanib al-Ḥaddah min al-Thiyāb al-Musabbaghah) no. hadith 3535, j. 6, c. 2. Beirut: Maktabah al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah, h. 203.

<sup>56</sup> Ibn al-Mundhir (1402H), *op.cit.*, h 98.

<sup>57</sup> Syams al-Dīn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Khaṭīb al-Syirbīnī (1994), *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, j. 5. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah, hh. 100-101.

<sup>58</sup> *Mu‘aṣfar* ialah pakaian yang dicelup daripada ‘*uṣfur* dan *muza‘far* pula yang dicelup daripada *za‘farān*.

<sup>59</sup> Muḥammad Ibn Abī Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2001), *Zād al-Ma‘ād fī Hady Khayr al-‘Ibād*, j. 5, c. 3. Beirut: Dār al-Fikr, h. 526.

<sup>60</sup> Al-Bukhārī (1987), *op.cit.*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb Talbas al-Ḥaddah Thiyāb al-‘Aṣb, no. hadith 5028, j. 5, h. 2043.

pakaian yang dicelup dengan sesuatu bahan bagi menghilangkan kekotoran pada pakaian tersebut atau bertujuan untuk menghodohkannya, maka ia diharuskan sepertimana yang disepakati oleh empat mazhab utama.<sup>61</sup> Begitulah juga hukumnya dengan pakaian yang dipintal tanpa dicelup dengan bahan pewarna seperti yang dibuat daripada kapas, pokok *al-kattān*<sup>62</sup>, sutera dan bulu haiwan. Ini kerana walaupun ia kelihatan cantik, tetapi kecantikannya itu adalah asal kejadian jenis kain tersebut dan bukan ditambah pewarna atau sesuatu yang lain bagi mencantikkannya.

Pemakaian barangan kemas di dalam tempoh *iḥdād* adalah satu lagi bentuk perhiasan wanita yang dilarang oleh majoriti ulama' fiqh<sup>63</sup> kerana ia akan menambahkan lagi seri dan kecantikan seseorang wanita.<sup>64</sup> Barangan kemas yang dimaksudkan ialah yang diperbuat daripada emas dan perak, sama ada dipakai sebagai gelang tangan, gelang kaki, cincin dan sebagainya.<sup>65</sup> Perkara ini berhujahkan hadis yang diriwayatkan oleh Abū Dāwud yang bermaksud:

*“Daripada Ummu Salamah, Nabi SAW bersabda: Wanita yang kematian suaminya tidak boleh memakai baju berwarna, baju yang dicelup warna merah dan barang kemas....”*

(Riwayat Abū Dāwud)<sup>66</sup>

Selain dari barangan kemas emas dan perak, barangan kemas yang diperbuat daripada tembaga dan timah turut diharamkan dipakai sekiranya ia benar-benar menyerupai barangan kemas emas dan perak, malah sukar dibezakan antara satu sama lain.<sup>67</sup>

Daripada pensyariatian *iḥdād* yang telah dijelaskan ini, didapati penetapan larangan-larangan sepanjang tempoh *iḥdād* bukanlah semata-mata untuk mengongkong kehidupan seorang wanita. Bahkan di sebalik pensyariatannya, terdapat beberapa kemaslahatan yang akan merujuk kepada golongan tersebut. Antara aspek kemaslahatan dari pensyariatian *iḥdād* adalah:

<sup>61</sup> Ibn al-Hummām (t.t), *op.cit.*, j. 4, h. 340. Šālih ‘Abd al-Samī‘ al-Abī al-Azharī (t.t), *op.cit.*, j.1, h. 389; al-Khaṭīb al-Syirbīnī (1994), *op.cit.*, j. 5, h. 101.

<sup>62</sup> Sejenis tumbuhan yang mempunyai bunga berwarna biru. Kulit dan biji bunga tersebut digunakan untuk dijadikan kain.

<sup>63</sup> Ibn Qudāmah (1999), *op.cit.*, j. 11, h. 289.

<sup>64</sup> Al-Syīrāzī (1999), *op.cit.*, j. 2, h. 211.

<sup>65</sup> Abū Zakariyyā Yaḥyā Ibn Syarf al-Nawāwī (1992), *Rawḍah al-Ṭālibīn*, j. 6. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 383.

<sup>66</sup> Abū Dāwud (t.t), *op.cit.*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb fī mā Tajtanibuh al-Mu‘taddah, no. hadith 2304, j. 2, h. 292.

<sup>67</sup> Al-Māwardī (1999), *op.cit.*, j. 11, h. 282.



## 1. Penghapus Amalan Jahiliyah

Pada zaman jahiliyah, wanita yang kematian suami telah diwajibkan beri*ḥdād* selama setahun dengan cara yang agak keterlaluan.<sup>68</sup> Perkara ini pernah dijelaskan oleh Rasulullah SAW menerusi sabda baginda yang bermaksud:

*“Daripada Ummu Salamah, beliau berkata: Telah datang seorang perempuan kepada Rasulullah SAW lalu berkata: Wahai Rasulullah, anak perempuanku telah kematian suaminya dan mengadu tentang matanya, apakah boleh dia memakai celak? Kemudian Rasulullah SAW bersabda: Tidak diucapkan dua atau tiga kali secara berulang-ulang dengan ucapan tidak. Kemudian baginda bersabda lagi, sesungguhnya masa berkabung adalah selama empat bulan sepuluh hari, dan (adalah salah) di antara kalian pada masa jahiliyah dahulu sampai dilempari najis haiwan setelah melewati setahun.”*

(Riwayat al-Bukhārī dan Muslim)<sup>69</sup>

Di akhir hadis ini, baginda telah menjelaskan wanita di zaman jahiliyah telah dilempar dengan najis haiwan selama mereka beri*ḥdād* iaitu dalam tempoh setahun. Selain itu, mereka mestilah mengenakan pakaian yang buruk dan hanya dibenarkan tinggal di dalam bilik tercorot dalam rumahnya yang dikenali sebagai *al-ḥifsy* [ الحفش ]. Bukan itu sahaja, bahkan mereka tidak dibenarkan menyentuh air untuk membersihkan badan, serta memotong kuku dan rambut. Dari segi hubungan sosial pula, mereka tidak dibenarkan bergaul dengan masyarakat sekeliling. Mereka seolah-olah akan terputus hubungan dengan seluruh masyarakat sekitar termasuk ahli keluarga sendiri.<sup>70</sup>

Kedatangan Islam telah menolak kongkongan yang menyelubungi wanita jahiliyah. Tempoh *iḥdād* yang terlalu panjang telah dipendekkan kepada satu pertiga daripada tempoh tersebut iaitu hanya selama empat bulan sepuluh hari. Walaupun pada peringkat awal pensyariat *iḥdād*, al-Quran telah menerangkan bahawa tempohnya adalah sama dengan tempoh *iḥdād* pada zaman jahiliyah,<sup>71</sup>

<sup>68</sup> Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī (t.t), *Tafsīr al-Marāghī*. T.T.P: T.P, h. 192.

<sup>69</sup> Al-Bukhārī (1987), *op.cit.*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb Tuḥidd al-Mutawaffā ‘ anḥā Zawjuhā Arba‘ah Asyhur wa ‘Asyrā, no. hadith 5024, j. 5, h. 2042; Muslim (t.t), *op.cit.*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb Wujūb al-Iḥdād fi ‘Iddah al-Wafāt, wa Tahrimuh fi Ghayr Dhālik illā Thalāthata Ayyām, no. hadith 1488, j. 2, h. 1124.

<sup>70</sup> Al-Ṣābūnī (1999), *op.cit.*, j. 1, h. 260.

<sup>71</sup> Lihat maksud ayat 240 Surah al-Baqarah: “Dan orang-orang yang (hampir) mati di antara kamu serta meninggal isteri, hendaklah berwasiat untuk isteri-isteri mereka, iaitu diberi nafkah sughati (makan, pakaian dan tempat tinggal) hingga setahun lamanya, dengan tidak disuruh pindah dari tempat tinggalnya...” dalam Abdullah Basmeih (1995), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur’an*, c. 6. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, h. 94.



namun hukum tersebut telah *dinasak*hkan secara jelas oleh ayat 234 surah al-Baqarah,<sup>72</sup> bagi menjaga kemaslahatan kaum wanita. Dalam Islam, mereka yang *berihdād* ini hanya diharamkan berhias dan berwangi-wangian sahaja serta mempamerkan diri kepada kaum *ajnabi* yang berkeinginan untuk berkahwin.<sup>73</sup> Mereka tidak diharamkan lagi untuk membersihkan dan menyucikan diri kerana Islam sendiri amat mementingkan kebersihan. Islam juga tidak menghalang wanita-wanita ini untuk tinggal di mana-mana ruang di rumahnya dan bergaul dengan ahli keluarga termasuklah lelaki mahram dan semua golongan wanita. Kedatangan Islam ini telah merubah konsep *ihdād* yang digambarkan sebagai satu perbuatan yang kotor pada zaman jahiliyah kepada satu perbuatan yang bersih.<sup>74</sup>

## 2. Fasa Pemulihan Emosi

Dalam Islam, kewajipan *berihdād* kepada wanita kematian suami adalah bagi memberi ruang waktu kepada mereka untuk memulihkan emosi setelah diselubungi perasaan sedih atas kematian suami.<sup>75</sup> Bagi wanita, ikatan perkahwinan merupakan satu nikmat yang besar kerana dengan ikatan ini mereka telah digelar sebagai seorang isteri dan seterusnya seorang ibu.<sup>76</sup> Selain itu, mereka juga akan dilayani, dilindungi, dikasihi dan diberi nafkah oleh seorang lelaki yang bernama suami.

Setelah kematian suami, walaupun sebahagian besar daripada nikmat tersebut akan hilang,<sup>77</sup> namun kesan-kesan perkahwinan masih lagi segar di ingatan mereka.<sup>78</sup> Ini menyebabkan emosinya terganggu dan sentiasa berada dalam keadaan sedih mengenangkan keakraban hubungannya dengan bekas suami. Perasaan sedih yang menyelubungi diri seorang wanita ini harus diterjemahkan dalam bentuk tindakan dengan tidak berhias dan tidak mengenakan wangi-wangian.<sup>79</sup> Tempoh *berihdād* selama empat bulan sepuluh hari adalah merupakan suatu jangka masa yang sesuai untuk dirinya

<sup>72</sup> Al-Zuhaylī (1991) *op.cit.*, hh. 369 -371.

<sup>73</sup> Al-Marāghī (t.t), *op.cit.*, h. 193.

<sup>74</sup> Al-Ṣābūnī (1999), *op.cit.* j. 1, h. 260.

<sup>75</sup> Al-‘Asqalānī (2001), *op.cit.*, j. 9, hh. 537-540.

<sup>76</sup> Zaydān (1993), *op.cit.*, j. 9, h. 222.

<sup>77</sup> ‘Alī Aḥmad al-Jurjāwī (1992), *Ḥikmah al-Tasyrī‘ wa Falsafatuh*. Hadi Mulyo (terj.), j. 1. Jakarta: Penerbit CV. Asy-Syifa’ Semarang, h. 324.

<sup>78</sup> Al-Zuhaylī (1997), *op.cit.*, j. 9, h. 7197.

<sup>79</sup> Majd al-Sayyid Ibrāhīm (2001), *50 Wasiat Rasulullah SAW Untuk Wanita*. Hanifah Binti Uthman (terj.), c. 5. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, h. 253.

memulihkan emosi, sebelum memulakan hidup yang baharu. Dalam fasa ini, seorang wanita boleh menzahirkan rasa sedih terhadap kehilangan suami tersayang dengan cara yang terbatas dan terkawal, tidak seperti kelakuan orang-orang jahiliyah sebelum ini.

### 3. Membendung Perbuatan Haram

Islam telah menegaskan bahawa mana-mana lelaki Muslim tidak dibenarkan berkahwin dengan wanita yang masih dalam tempoh iddah, sama ada iddah perceraian mahupun iddah kematian suami.<sup>80</sup> Seperti yang dibincangkan sebelum ini, larangan tersebut antara lainnya bagi memastikan tiada percampuran *nasab* berlaku. Justeru itu, seorang lelaki perlu menahan kehendak hatinya untuk mengahwini mana-mana wanita selagi mana wanita tersebut masih lagi dalam tempoh iddah. Meskipun tempoh tersebut agak panjang, namun sebagai seorang yang mentaati hukum Allah SWT, mereka mesti sabar dan menahan diri dari mendekati perkara haram tersebut.

Dalam membendung keinginan lelaki untuk mengahwini wanita yang masih dalam tempoh iddah, Islam turut melarang mereka dari mengenakan sebarang hiasan dan wangi-wangian ketika *berihdād*. Larangan berhias dan berwangi-wangian sepanjang tempoh ini sebenarnya merupakan satu kaedah pencegahan (*sadd al-dharā'i'*) bagi mengelakkan timbulnya perasaan minat golongan lelaki terhadap wanita berkenaan dan kehendak wanita itu sendiri untuk mencari pengganti dalam tempoh iddah yang akhirnya boleh membawa kepada perasaan ingin berkahwin dengannya.<sup>81</sup> Kaedah pencegahan ini amat relevan dengan keadaan hari ini, kerana pada kebiasaan dan lumrahnya, lelaki akan terpicat dengan wanita kerana kecantikan pada zahirnya. Perkara ini pernah disampaikan oleh Rasulullah SAW, di mana baginda menyatakan bahawa, kecantikan wanita merupakan salah satu kriteria pemilihan calon isteri.<sup>82</sup>

Sekiranya wanita benar-benar mengamati dan mengaplikasi hukum larangan berhias dan berwangian tersebut, ia secara tidak langsung dapat membendung dari berlakunya perkahwinan dalam tempoh iddah. Menurut mazhab Syafie, perkahwinan tersebut bukan sahaja haram, malah ia adalah terbatal sama sekali,<sup>83</sup> bahkan pasangan yang melangsungkan perkahwinan seperti itu layak

<sup>80</sup> Abū Zahārī Muḥy al-Dīn Ibn Syarf al-Nawawī (2005), *Kitāb al-Majmū' Syarḥ al-Muḥadhdhab*, j. 17. Jedah: Maktabah al-Irsyād, hh. 347-348.

<sup>81</sup> Syh. Noorul Madihah Syed Husin (2007), *op.cit.*, h. 27.

<sup>82</sup> Lihat al-Nawawī (2001), *op.cit.*, *Kitāb al-Raḍ'*, Bāb Istihbāb Nikāḥ Dhāt al-Dīn, no. hadith 1466, j. 10, T.T.P: Dar al-Taqwa, h. 50.

<sup>83</sup> Al-Zuhaylī (1997), *op.cit.*, j. 9, hh. 6612-6613.

dijatuhkan hukuman had zina sekiranya mereka mengetahui pengharaman perkahwinan tersebut.<sup>84</sup> Selain daripada mengelakkan berlakunya akad perkahwinan, larangan berhias dan berwangi-wangian juga boleh mengelakkan daripada berlakunya peminangan secara berterus terang dari mana-mana lelaki, kerana ia juga termasuk dalam larangan wanita beriddah.<sup>85</sup>

## MASLAHAH DI SEBALIK HAK PEMILIKAN HARTA PUSAKA

Dalam sesebuah kehidupan rumahtangga, setiap pasangan mempunyai hak dan tanggungjawab terhadap pasangan masing-masing. Bagi isteri yang telah kematian suami, mereka mempunyai hak terhadap harta peninggalan dari bekas suaminya. Hak ini merupakan salah satu kesan dari akad perkahwinan yang sah.

Pemberian hak pemilikan pusaka kepada wanita yang kematian suami dalam ilmu faraid menggambarkan betapa Islam mengambilkira perihal pasangan selepas berlakunya kematian. Pemberian tersebut adalah berasaskan wujudnya hubungan perkahwinan antara satu sama lain. Wanita tersebut dianggap orang yang pernah menjaga masalah si mati dan mengambil berat tentang perihalnya. Maka satu kewajaran bagi golongan ini untuk diberi hak bagi menikmati harta yang ditinggalkan oleh bekas suami atas hubungan di antara mereka semasa hayatnya.<sup>86</sup>

Dalam ilmu faraid, golongan wanita kematian suami termasuk dalam kategori *aṣḥāb al-furūd* (mereka yang berhak mendapat bahagian-bahagian tertentu).<sup>87</sup> Walaupun begitu, Islam telah meletakkan beberapa syarat tertentu bagi melayakkan dirinya menerima harta pusaka. Syarat paling utama ialah hubungan perkahwinan yang terhasil mestilah diterima oleh syara'. Akad yang diterima syara' ialah akad nikah yang memenuhi segala syarat bagi setiap rukun perkahwinan. Walaupun pasangan belum sempat berkesedudukan, namun hanya dengan akad yang sah, pasangan telah layak menjadi pewaris kepada pasangannya. Ini bermakna pasangan yang berkahwin secara tidak sah, seperti perkahwinan tanpa wali atau menikahi wanita yang diharamkan, tidak layak menjadi pewaris kepada pasangan tersebut.

<sup>84</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Idrīs al-Syāfi'iy (1973), *al-Umm*, c. 2, j. 6. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 155.

<sup>85</sup> Al-Bughā *et.al* (1998), *op.cit.*, j. 2, h. 46.

<sup>86</sup> Muḥammad Muṣṭafā Syalabī (1978), *Aḥkām al-Mawārīth bayna al-Fiqh wa al-Qānūn*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah, h. 23.

<sup>87</sup> Al-Bughā *et.al* (1998), *op.cit.*, j. 2, h. 283.

Selain itu, bagi melayakkan isteri mewarisi harta bekas suaminya, dia mestilah masih sah bergelar isteri sehingga saat kematian suami, sama ada secara hakiki, mahu pun *hukmī*. Apa yang dimaksudkan secara hakiki di sini ialah hubungan perkahwinan antara pasangan tersebut berkekalan sehingga saat kematian tanpa berlaku sebarang perpisahan antara mereka. Adapun berkekalan secara *hukmī* pula, merujuk kepada kematian suami dalam tempoh iddah *raj'i*. Walaupun wanita itu telah diceraikan secara talak *raj'i* sebelum kematian suaminya, beliau masih lagi mempunyai hak terhadap harta pusaka. Ini adalah kerana sepanjang tempoh tersebut, isteri masih lagi dalam penguasaan seorang suami, bahkan suami masih berhak merujuk kembali isterinya.<sup>88</sup>

Kadar yang telah ditetapkan oleh Islam bagi kategori wanita ini ialah satu per empat (1/4) dari bahagian harta sekiranya si suami tidak meninggalkan anak dan satu per lapan (1/8) sekiranya suami meninggalkan anak.<sup>89</sup> Sekiranya isteri yang ditinggalkan melebihi daripada seorang, maka bahagian harta tersebut (1/4 atau 1/8) akan dibahagikan sama rata di antara mereka.<sup>90</sup> Perkara ini disebut dengan jelas dalam ayat berikut:

وَلَهُنَّ الرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْتُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ  
وَلَدٌ فَلَهُنَّ الثُّمُنُ مِمَّا تَرَكْتُمْ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوصُونَ  
بِهَا أَوْ دَيْنٍ

*“Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula seperempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak, maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayar hutang kamu...”*

(Surah al-Nisā', 4 : 12)

Penetapan bahagian tertentu untuk wanita dari harta peninggalan suami amat bertepatan dengan situasinya yang baru menghadapi ujian kematian suaminya. Pada asasnya, pemberian hak tersebut mampu menjaga kemaslahatan wanita dari beberapa aspek seperti berikut:

<sup>88</sup> Muṣṭafā Syalabī (1978), *op.cit.*, hh. 122-123.

<sup>89</sup> *Ibid.*, h. 121.

<sup>90</sup> Sabṭ al-Māridīnī *et al.* (1984), *al-Raḥbiyyah fi 'Ilm al-Farā'id*, c. 2. Damsyiq: Dar al-Qalam, hh. 51-53.

## 1. Mengangkat Martabat Wanita

Kedudukan wanita yang kematian suami dalam konteks pembahagian harta pusaka sebelum kedatangan Islam amat jauh berbeza berbanding dengan kedudukan mereka selepas kedatangan Islam. Wanita kematian suami pada zaman jahiliyah langsung tidak diberi hak untuk mewarisi harta dari bekas suaminya. Kaum Arab Jahiliyah pada masa itu berpendapat golongan wanita tidak sesuai menerima sebarang harta dari peninggalan suami, kerana mereka tidak menyertai sebarang peperangan dan tidak termasuk dalam golongan yang mempertahankan bangsa dan kaum sendiri.<sup>91</sup>

Perkara ini merupakan satu kezaliman terhadap kaum wanita. Mereka telah menjatuhkan martabat golongan wanita pada ketika itu. Kedatangan Islam telah merubah dan membela kaum wanita apabila syariat telah menetapkan bahawa mereka mempunyai hak pewarisan harta sebagaimana yang terkandung dalam ayat 12 surah al-Nisā'. Pemberian ini merupakan satu tanda kemuliaan dan kehormatan yang diberikan oleh Islam terhadap mereka.<sup>92</sup>

## 2. Melambangkan Keadilan

Dalam penentuan bahagian untuk wanita yang kematian suami, Islam telah menetapkan kadarnya adalah lebih rendah daripada bahagian yang diterima oleh golongan suami apabila berlaku kematian isteri. Suami yang kematian isteri akan menerima 1/2 dari harta peninggalan sekiranya si isteri meninggalkan anak dan 1/4 jika sebaliknya,<sup>93</sup> berbanding dengan golongan wanita yang hanya mendapat 1/4 sekiranya suami tiada anak dan 1/8 sekiranya memiliki anak. Perbezaan yang telah ditetapkan ini bukan bermakna Islam memandang rendah terhadap kaum wanita umumnya dan wanita kematian suami khususnya, bahkan pembahagian tersebut adalah satu peraturan yang adil mengikut perspektif Islam.<sup>94</sup> Suami atau lelaki diberi bahagian yang besar

---

<sup>91</sup> Jasni Sulong (2006), "Kedudukan Wanita Dalam Pembahagian Pusaka", *Jurnal Syariah*, Bil. 14, h. 123.

<sup>92</sup> Al-Şābūnī (1999), *al-Mawāriṭh fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah fī Ḍaw'i al-Kitāb wa al-Sunnah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah, hh. 20-21.

<sup>93</sup> Al-Māridīnī *et al.* (1984), *op.cit.*, hh. 49-51.

<sup>94</sup> Hanira Hanafi (2007) "Gender Perspective of the Faraid System: Is It Bias Against Women", *Jurnal Syariah*, 15(2), h. 96; Mohd. Ridzuan Awang (2003), "Isu-isu Keadilan Dalam Pengagihan Harta Pusaka" (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 24-25 September 2003), h. 51.

dalam pembahagian tersebut kerana jika diteliti, golongan ini mempunyai tanggungjawab jauh lebih besar berbanding wanita. Mereka perlu bekerja keras dan berusaha mencari rezeki untuk memberi nafkah terhadap dirinya dan juga orang yang diwajibkan ke atasnya seperti isteri, anak-anak dan ibu bapanya.<sup>95</sup> Pemberian nafkah ini termasuklah perbelanjaan harian keluarga, penyediaan tempat tinggal, pembiayaan pembelajaran anak dan urusan kesihatan keluarga.<sup>96</sup> Dalam Islam, walaupun isteri seorang yang kaya, suami tetap wajib membayar nafkahnya.

Situasi ini menggambarkan tanggungjawab dan bebanan kaum lelaki jauh lebih berat dari golongan wanita. Mereka merupakan ketua keluarga yang perlu mengurus segala keperluan dan kehendak seisi keluarga, berbeza dengan wanita yang tidak diberikan sebarang pentaklifen yang berbentuk sedemikian. Wanita yang kematian suami juga tidak diwajibkan bekerja mencari nafkah buat diri dan anak-anak, bahkan cukup sekadar membelanjakan harta yang sedia ada. Sekiranya harta itu tidak memadai atau wanita tersebut tidak mempunyai sebarang harta, walinya dari kalangan lelaki seperti bapa, abang atau adik akan dipertanggungjawabkan untuk menguruskan perbelanjaan isi keluarganya.<sup>97</sup> Seterusnya, jika wanita tersebut tidak mempunyai sebarang ahli keluarga, maka pada waktu itu Baitulmal akan mengambil alih tugas dalam membantunya bagi menyara hidup seharian.<sup>98</sup> Perkara ini berbeza dengan keadaan suami yang kematian isteri. Tanggungjawabnya ke atas anak dan ibu bapa masih berterusan. Golongan suami juga diharuskan berkahwin lain selepas kematian isterinya dan dengan itu urusan nafkah isteri baru turut menjadi tanggungjawabnya.

### **3. Pengukuhan Ekonomi**

Masalah ekonomi merupakan cabaran utama kepada golongan wanita yang kematian suami. Kebanyakannya mengalami kehilangan sumber pendapatan setelah kematian suami sebagai tempat bergantung ketika masih hidup bersama.<sup>99</sup> Apabila bergelar balu, dia terpaksa memikirkan pengurusan kewangan keluarga termasuk urusan perbelanjaan harian dan keperluan anak-

---

<sup>95</sup> Syalabī (1978), *op.cit.*, h. 24, Jasni Sulong (2006) *op.cit.*, h. 130.

<sup>96</sup> Al-Šābūnī (1999), *op.cit.*, h. 19.

<sup>97</sup> Syalabī (1978), *op.cit.*, hh. 24-25.

<sup>98</sup> Al-Zuhaylī (1997), *op.cit.*, j. 10, h. 7370.

<sup>99</sup> Rohaty Mohd Majzub & Muhammad Rais Abdul Karim (1999), *Ibu Tunggal Menelusuri Rintangan Hidup Dengan Keyakinan*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, h. 15.

anak. Bebanan kewangan keluarga bagi wanita kematian suami tidak sama dengan bebanan keluarga lain kerana mereka tidak mempunyai pasangan untuk berkongsi bebanan tersebut. Sebagai seorang yang baru mengambil alih tanggungjawab suami untuk menguruskan rumah tangga, agak sukar bagi seorang wanita yang tiada pendapatan sendiri untuk memulakan kehidupan baharu.

Bagi memelihara kemaslahatan keluarga wanita seperti ini, Islam telah memberi hak kelayakan bagi mereka untuk mewarisi harta peninggalan bekas suaminya. Ia serba sedikit dapat membantu mengukuhkan ekonomi keluarga tersebut, terutamanya bagi yang tiada pendapatan bulanan yang tetap. Walaupun harta pusaka ini bukanlah sebagai bayaran bulanan yang tetap, namun sekurang-kurangnya ia mampu membantu mereka dalam memenuhi bebanan kewangan keluarga dan sebagai pembuka jalan bagi mereka merancang pengurusan kewangan keluarga pada masa hadapan. Perkara ini melambangkan betapa Islam memelihara masalah seorang wanita, lebih-lebih lagi apabila dalam keadaan susah dan tertekan.

## PENUTUP

Pada asasnya, golongan wanita yang kematian suami telah diberi perhatian sepenuhnya oleh Islam. Kemaslahatan mereka sentiasa dipelihara lebih-lebih lagi apabila terpaksa meneruskan kehidupan tanpa kehadiran suami. Islam telah menjamin kemaslahatan wanita kematian suami ini melalui tiga pendekatan utama iaitu tuntutan beriddah, *berihdād* dan pemberian hak pewarisan harta pusaka. Walaupun ia merupakan satu ketetapan Allah SWT yang komprehensif dan bersifat *qat'i* yang tidak boleh dipinda atau diubah mengikut citarasa dan kepentingan tertentu, namun pelaksanaan hukum-hukum tersebut mampu memberi impak yang positif kepada golongan ini. Kewajipan beriddah bagi wanita adalah lambang pengabdian diri kepada Ilahi dan tanda penghormatan kepada bekas suami serta ahli keluarganya. Ia turut dapat menjamin kesucian *nasab* sekiranya wanita tersebut hamil dalam tempoh beriddah. Pensyariatatan *ihdād* sepanjang tempoh iddah pula bukan merupakan satu kongkongan hidup terhadap wanita, malah ia merupakan satu tempoh peralihan emosi dan pemeliharaan kemuliaan seorang wanita. Selain penetapan hukum iddah dan *ihdād*, Islam telah memberi hak keistimewaan kepada golongan ini apabila mereka turut disenaraikan sebagai ahli waris dalam pembahagian harta pusaka bekas suaminya. Ini membuktikan kaum wanita telah dinaiktaraf dari kedudukan asal sebelum kedatangan Islam. Walaupun kadar pembahagian tersebut tidak setaraf dengan kaum lelaki, namun ianya adalah berteraskan konsep keadilan dalam Islam. Justeru itu, sekiranya pendekatan beriddah,



berihdād dan pemberian hak pewarisan harta pusaka dipraktikkan bertepatan dengan tuntutan syara’, sudah pasti ia mampu menjamin kemaslahatan wanita setelah kematian suami.

## RUJUKAN

- Abdullah Basmeih (1995), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur’an*, c. 6. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Abū ‘Azīz, Sa‘ad Yūsuf Maḥmūd (t.t), *Ādāb al-Ḥayāh al-Zawjiyyah fī al-Islām*. Kaherah: Maktabah al-Tawfiyyah.
- Abū Dāwud, Ṣulaymān Ibn al-Ash‘āth al-Sijistānī (t.t), *Sunan Abī Dāwud*, j. 2. Beirut: Dār al-Fikr.
- Abū Mālik, Kamāl Ibn al-Sayyid Sālim (2000), *Fiqh al-Sunnah li al-Nisā’ wa mā Yajib an Ta’rifah kull Muslimah min Ahkām*. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiyyah.
- ‘Alī ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (2003) *al-Mar’ah al-Muslimah wa Fiqh al-Da’wah ilā al-Allāh*, j. 4, c. 5. Beirut: Dār al-Fikr.
- ‘Asqalānī, Abū al-Faḍl Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajr al- (2001), *Fath al-Bārī fī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 9. Kaherah: Maktabah Miṣr.
- Azharī, Ṣālih ‘Abd al-Samī‘ al-Abī al- (t.t), *Jawāhir al-Iklīl*, j.1. Beirut: al-Maktabah al-Thaqāfiyyah.
- Boyd, Denise & Bee, Helen (2009), *Lifespan Development*. Amerika: Pearson International Edition.
- Bughā, Muṣṭafā al- *et al.* (1998), *al-Fiqh al-Manhājī ‘Ala Madhāhib al-Imām al-Syāfi’ī*, j. 2, c. 2. Beirut: Dār al-Syāmiyyah.
- Bukhārī, Abū Muḥammad ‘Abd al-Allāh Ibn Ismā‘il al- (1987), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, j. 5, c. 3. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Curtis, Glade B. (1994), *Your Pregnancy Week by Week*. Singapura: Fisher Books.
- Gliksman, Michele Isaacs & DiGeronimo, Theresa Foy (1999), *The Complete Idiot’s Guide to Pregnancy and Childbirth*. New York: Alpha Books.
- Hanira Hanafī (2007), “Gender Perspective of the Faraid System: Is It Bias Against Women”, *Jurnal Syariah*, Bil. 15
- Ḥusaynī, Taqy al-Dīn Abī Bakr Muḥammad al- (t.t), *Kifāyah al-Akhyār fī Hill Ghāyah al-Ikhtisār*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.



- Ibn al-Hummām, Kamāl al-Dīn Muḥammad (t.t), *Syarḥ Fatḥ al-Qadīr ‘Alā al-Hidāyah*, j. 4, c. 10. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn al-Mundhir, Muḥammad Ibn Ibrāhīm (1402H), *al-Ijmā’*. Kaherah: Dār al-Da‘wah.
- Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad ‘Alī Ibn Aḥmad (t.t), *al-Muḥallā*, j. 10. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ al-Ḥāfiẓ (1998), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, j. 1, c. 2. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad (1999), *al-Mughnī li Ibn Qudamah*, j. 11, c. 4. al-Mamlūkah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah: Dār ‘Ālam al-Kutub.
- Jasni Sulong (2006), “Kedudukan Wanita Dalam Pembahagian Pusaka”, *Jurnal Syariah*, Bil. 14.
- Jawziyyah, Muḥammad Ibn Abī Bakr Ibn Qayyim al- (2001), *Zād al-Ma‘ād fī Hady Khayr al-‘Ibād*, j. 5, c. 3. Beirut: Dār al-Fikr.
- Jawziyyah, Muḥammad Ibn Abī Bakr Ibn Qayyim al- (1990), *I‘lām al-Muwaqqi ‘in ‘an Rabb al-‘Ālamīn*, j. 3. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Jazīrī, ‘Abd al-Raḥmān Ibn ‘Awṣ al- (1999), *Kitāb al-Fiqh ‘ala al-Madhāhib al-Arba‘ah*, j. 4. Kaherah: Dār al-Manār.
- Jirjānī, Ali Ibn Muhammad Ibn ‘Ali al- (1985), *Kitāb al-Ta‘rīfat*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabiyy.
- Jurjāwī, ‘Alī Aḥmad al- (1992), *Ḥikmah al-Tasyrī‘ wa Falsafatuh*. Hadi Mulyo (terj.), j. 1. Jakarta: Penerbit CV. Asy-Syifa’ Semarang.
- Kamarul Azmi Jasmi *et.al.* (2004), “Permasalahan Ibu Tunggal Dalam Melaksanakan Tanggungjawab Pendidikan Anak-anak: Satu Kajian Kawasan Sura, Dungun, Terengganu” (Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004 di Universiti Malaya pada 23-30 Mei 2004).
- Kāsānī, ‘Alā’ al-Dīn Abī Bakr Ibn Su‘ūd al- (2000), *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘ fī Tartīb al-Syarā’i‘*, j. 3, c. 3. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Khalaf, Abd al-Wahab (1956), *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*, c. 8. Kaherah: Maktabah al-Da‘wah al-Islamiyyah.
- Khaṭīb, Muḥammad al-Syirbīnī al- ( t.t), *al-Iqnā’ fī Ḥill Alfāẓ Abī Syujā’*, j. 2. Bangkok: Maktabah wa Matba‘ah Muḥammad al-Nuḥdā wa Awlādah.
- Majd al-Sayyid Ibrāhīm (2001), *50 Wasiat Rasulullah S.A.W Untuk Wanita*. Hanifah Binti Uthman (terj.), c. 5. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Marāghī, Aḥmad Muṣṭafā al- (t.t), *Tafsīr al-Marāghī*. T.T.P: T.P.

- Māridīni, Sabṭ al- *et al.* (1984) *al-Raḥbiyyah fi 'Ilm al-Farā'id*, c. 2. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Mat Saad Abd. Rahman (1993), *Undang-undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan*, c. 2. Kuala Lumpur: Intel Multimedia And Publication.
- Māwardī, Abū al-Ḥasan 'Alī Ibn Muḥammad Ibn Ḥabīb al- (1999), *al-Ḥāwī al-Kabīr fi Fiqh Madhhab al-Imām al-Syāfi 'i*, j. 11. Beirut: Dār al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Mohd. Hamim Rajikin (1998), *Kehamilan Bermulanya Satu Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Ridzuan Awang (2003), "Isu-isu Keadilan Dalam Pengagihan Harta Pusaka" (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 24-25 September 2003).
- Muḥammad Jum'ah 'Abd al-Allāh (1983), *al-Kawākib al-Duriyyah*, c. 5, j. 2. Kaherah: Maktabah al-Azhāriyyah.
- Muṣliḥ, Khālīd Ibn 'Abd Allāh al- (1995), *Aḥkām al-Iḥdād*, c. 1. Riyād: Dār al-Waṭan.
- Muslim, Abu al-Ḥusain Muslim Ibn al-Ḥujjāj (t.t), *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 2. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth.
- Nasā'i, Aḥmad Ibn Syu'aib Ibn Dīnār al- (1986), *al-Mujtabā min al-Sunan*, j. 6, c. 2. Beirut: Maktabah al-Matbū'āt al-Islāmiyyah.
- Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā Ibn Syarf al- (1992), *Rawḍah al-Ṭālibīn*, j. 6. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā Ibn Syarf al- (2001), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawawī*, j. 16. T.T.P: Dar al-Taḳwa.
- Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā Ibn Syarf al- (2005), *Kitāb al-Majmū' Syarḥ al-Muḥadhdhab*, j. 17. Jedah: Maktabah al-Irsyād.
- Rohaty Mohd Majzub & Muhammad Rais Abdul Karim (1999), *Ibu Tunggal Menelusuri Rintangan Hidup Dengan Keyakinan*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Qashir, Fada Abdul Razak al- (2004), *Mar'ah al-Muslimah: Bayna al-Syarī'ah wa al-Aḍālil al-Gharbiyyah*. Mir'atul Makiyah (terj). Yogyakarta: Darussalam.
- Qurṭubī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Aḥmad al- (2002), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, j. 3. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Ṣābūnī, Muḥammad 'Alī al- (1999), *Rawā'i' al-Bayān Tafṣīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*, j. 1. Kaherah: Dār al-Ṣābūnī.

- Şābūnī, Muḥammad ‘Alī al- (1999), *al-Mawārīth fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah fī Daw‘i al-Kitāb wa al-Sunnah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah.
- Şābūnī, Muḥammad ‘Alī al- (t.t), *Şafwah al-Tafsīr*, j. 1, c. 9. Kaherah: Dār al-Şābūnī.
- Syāfī‘iyy, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Idrīs al- (1973), *al-Umm*, c. 2, j. 6. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Syalabī, Muḥammad Muşţafā (1978), *Aḥkām al-Mawārīth bayna al-Fiqh wa al-Qānūn*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-Arabiyyah.
- Syh Noorul Madihah Syed Husin (2007), “Kefahaman Masyarakat Islam Tentang Iḥdād: Kajian di Bandar Dungun, Terengganu”, (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Syh Noorul Madihah Syed Husin *et.al.* (2008), “Tuntutan al-Quran Terhadap Wanita Kematian Suami: Satu Penelitian” (Seminar al-Quran dan Pembentukan Ummah Cemerlang di Universiti Darul Iman Malaysia pada 19-20 Ogos 2008).
- Syīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm Ibn ‘Alī Ibn Yūsuf al- (1999), *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī*, j. 2. Beirut: Dār al-Fikr.
- Syirbīnī, Syams al-Dīn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Khaṭīb al- (1994), *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, j. 5. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah.
- Wazārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah (1983), *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, j. 2, c. 2. Kuwait: Wazārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah.
- Zaydān, ‘Abd al-Karīm (1993), *al-Mufaşşal fī Aḥkām al-Mar‘ah wa al-Bayt al-Muslim fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, j. 9. Beirut: Mu‘assasah al-Risālah.
- Zaydān, ‘Abd al-Karīm (2009), *al-Wajīz fī Uşūl al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risālah Nāsyirūn.
- Zuḥaylī, Wahbah al- (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Syarī‘ah wa al-Manhaj*, j.1. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āşir.
- Zuḥaylī, Wahbah al- (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 9 & 10, c. 4. Damsyiq: Dār al-Fikr.

